

BAB 2

3. SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PERADABAN JEPUN



Peta 1.2 Negara Jepun

Sumber: <http://www.outdoorjapan.com/maps/map-of-japan.html>

3.1 UNSUR ASAS TAMADUN JEPUN

3.1.1 Pendidikan

Budaya Jepun amat rapat kaitannya dengan pembentukan bangsa Jepun kerana budaya merupakan suatu identiti yang menjadi lambang kepada bangsa itu sendiri.³³ Dalam melihat pendidikan Jepun perkaitannya dengan globalisasi amat luas. Pendidikan Jepun merupakan satu ciri yang membezakan Jepun daripada kebanyakan negara lain yang mempunyai cita-cita bagi mencapai kemajuan ekonomi pada tempoh awal dalam tempoh perkembangan industri moden ialah sikap mereka terhadap pendidikan.³⁴

Pendidikan melalui pembelajaran telah lama dihormati oleh di Jepun. Ini dapat dilihat menjelang pengembalian semula sistem beraja Meiji di mana pelbagai jenis sekolah telah ditubuhkan. Pegawai kerajaan telah dilatih di maktab khusus di *Yedo*, samurai diasuh dengan nilai-nilai klasik Konfucian di sekolah sekolah yang didirikan oleh daimyo dan ramai rakyat biasa belajar di 'sekolah kuil' yang di panggil '*terakoya*'.³⁵ Pendidikan di sekolah Jepun menitikberatkan pelajaran yang berorientasikan tradisi. Namun demikian, pada masa sekarang pendidikan moden yang dibawa oleh barat telah diterima oleh Jepun.

Dalam sistem pendidikan Jepun yang bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi telah memberi penekanan yang jelas tentang pentingnya pelajaran. Kanak-kanak atau pelajar-pelajar ini dihantar ke sekolah rendah di mana sekolah tersebut mereka akan

³³ W.G Beasley, *The Rise of Modern Japan*, St. Martin's Press, New York, 1990, hlm. 15.

³⁴ Robert C Christopher, *The Japanese Mind*, Charles E. Tuttle Company, Tokyo, 1983, hlm. 11

³⁵ *Ibid*, hlm. 16.

diajar membaca, menulis dan mengira. Para pelatih di rumah-rumah perniagaan juga diberi latihan dalam seni simpanan kira-kira. Pada pertengahan abad ke-19, kira-kira 40 hingga 50 peratus lelaki dan 15 peratus perempuan menerima sedikit sebanyak pendidikan formal. Kadar celik huruf di kalangan masyarakat Jepun adalah tinggi dan meluas berserta dengan penyebaran pengetahuan baru menguntungkan Jepun dalam zaman barunya. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan Jepun ketika pemerintahan Meiji telah membawa pembaharuan dan perkembangan pelajaran Jepun. Pada tahun 1871, Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan pendidikan. Sistem pendidikan moden ini telah diwujudkan di Jepun selepas pemulihan Meiji dan tradisi pendidikan wajib serta pendidikan tinggi dibentuk dalam tahun-tahun seterusnya.³⁶ Di mana pada tahun 1872 dapat dilihat satu undang-undang telah diadakan yang mewajibkan kanak-kanak daripada semua lapisan yang berumur enam tahun diberi pelajaran rendah selama empat tahun.

Kanak-kanak dididik supaya taat setia dan tidak berbelah bahagi kepada maharaja, bangsa dan negara yang dikenali sebagai "*kokutai*", latihan membentuk akhlak dan latihan akal. Pendidikan wajib ini dibahagikan kepada enam tahun sekolah rendah dan tiga tahun sekolah menengah rendah dan diikuti oleh pendidikan tinggi, empat tahun pengajian ijazah pertama dan pengajian lepas ijazah. Selain kursus ijazah universiti selama empat tahun terdapat kursus ijazah pergigian dan perubatan selama enam tahun, kursus selama dua tahun di kolej pendidikan tinggi dan kursus lima tahun di kolej teknik. Dari segi, signifikansi dan globalisasi, Jepun pada hari ini dapat dilihat terdapatnya 460

³⁶ Gen Itasaka, Pintu Masuk ke Jepun (terj.), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 32

universiti, 543 kolej rendah dan 62 sekolah teknik tinggi yang wujud di Jepun. Bilangan pelajar yang mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi ialah 2.2 juta orang.

Kebanyakan siswazah kursus ijazah empat tahun yang tamat belajar lebih cenderung mencari kerja sebagai kakitangan kerajaan, pekerja syarikat atau guru sekolah. Wujudnya persaingan terus dalam sistem pendidikan sekolah Jepun sejak bermula persekolahan di peringkat tadika. Rekod akademik sangat penting dan hampir tiada diskriminasi berdasarkan kelas atau kekayaan keluarga. Ini dapat dilihat calon yang gagal dalam percubaan pertama untuk memasuki universiti mereka selalunya menghadiri sekolah persediaan khas selama satu atau dua tahun sehingga mereka lulus peperiksaan tersebut. Tokoh yang memainkan peranan penting dalam pelajaran iaitu Moari Arinori yang merupakan seorang bekas samurai dari suku kaum *Satsuma* dan juga bekas Menteri Jepun ke Washington. Beliau juga telah dibantu oleh Dr. David Murray yang berbangsa Amerika yang menjadi penasihat kepada Kementerian Pelajaran. Dalam sistem pelajaran, mata pelajaran sains dan teknik kebanyakan buku-buku yang bermutu dalam bidang tersebut termasuk sejarah dan politik telah diterjemah ke dalam bahasa Jepun. Selain itu, ramai tenaga pengajar, golongan profesional dan ahli akademik dari luar negeri diambil berkhidmat di Jepun sejak tahun 1817 iaitu daripada Jerman, beberapa profesor dari Britain dan Amerika Syarikat telah diambil. Antara profesor yang terkenal ialah F.S Morse daripada Universiti Harvard (1877) dan Ernest Fenollose daripada Universiti Boston (1878). Malah ada juga yang dihantar ke Amerika Syarikat untuk mempelajari aspek perdagangan ekonomi. Pemimpin-pemimpin Jepun sedar bahawa Jepun tidak boleh semuanya mengharap negara-negara barat untuk melanjutkan pelajaran. Oleh kerana

itu, Jepun perlu mendirikan pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri. Hasilnya pada tahun 1871, universiti pertama didirikan diberi nama Universiti Diraja Tokyo, Maktab Rendah Teknik (Junior Technical College) yang bertujuan untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir.

3.1.2 Budaya Kerja

Budaya Jepun seringkali dilihat sebagai mempunyai ciri-ciri yang tersendiri sehingga menyebabkan proses pengantarabangsaan amat bermasalah untuk dilaksanakan. Nilai-nilai universal dalam budaya Jepun dapat dilihat dan nilai ini boleh dijadikan suatu titik permulaan untuk menghubungi jurang budaya serta menghubungkan negara-negara lain untuk memahami Jepun.³⁷ Budaya kerja merupakan salah satu budaya masyarakat Jepun yang secara langsung melihat jepun dari segi signifikasi, globalisasi dan kepimpinan. Negara Jepun adalah contoh terbaik dalam melaksanakan pekerjaan. Ini dapat dilihat melalui budaya kerja mereka yang mementingkan masa, cekap dan berdisiplin. Malah, budaya kerja Jepun telah menjadikan negara lain seperti Malaysia mengambil nilai-nilai positif sehingga terlaksananya “Dasar Pandang ke Timur” yang merujuk kepada masyarakat yang rajin, cekap dan berdisiplin dalam melaksanakan kerja. Secara tidak langsung dalam dunia globalisasi Jepun telah menjadi “role model” kepada negara-negara lain. Hal ini bukan sahaja menguntungkan diri individu itu sendiri tetapi bangsa dan negaranya. Hasil daripada nilai-nilai kerjasama dan perpaduan dapat

³⁷ Charles J Mc Millan, *Sistem Perindustrian Jepun* (terj.), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 11.

membantu dasar modenisasinya sehingga ia menjadi tenaga penggerak industrialisasi Jepun.³⁹

Jika dilihat pada tahun awal pemodenan, kerajaan Jepun memperkenalkan institusi dan perkhidmatan yang biasanya perlu ada bagi sesebuah negara moden seperti sistem pentadbiran, perkhidmatan bank, pos dan telegraf, jalan keretapi dan kapal perdagangan.⁴⁰ Dari sinilah, wujudnya etika tatasusila yang mengiktiraf budaya kerja masyarakat Jepun.

Budaya kerja masyarakat Jepun dapat dilihat dari aspek yang penting iaitu sikap para pekerja Jepun terhadap pekerjaan ialah rasa pencapaian atau “accomplishment”. Namun, Jepun menjadi begitu unggul hakikatnya kerana perasaan ini bukannya datang dari individu tetapi pengalaman kumpulan melalui kegiatan kumpulan yang menjadi teras dalam melihat Jepun dari sudut globalisasi. Seterusnya, budaya kerja ini juga boleh dilihat melalui kepimpinan di mana faktor ini merupakan faktor yang lebih penting daripada faktor kerajinan bagi mencapai kejayaan Jepun seperti kebanyakan masyarakat dunia yang dapat dilihat melalui peranan kelas pemerintah di bawah Meiji. Dalam pemerintahan Jepun pada abad ke-19 telah menyedari kepentingan modenisasi. Dengan itu, Maharaja Meiji dan pegawai-pegawainya sendiri telah mengepalai usaha menimba pengetahuan baru tentang industri, perdagangan, pentadbiran dan pendidikan. Selain itu, mereka telah membangunkan sumber tenaga manusia sendiri dengan menggunakan

³⁹ Ibid, hlm. 14.

⁴⁰ ibid. hlm. 16.

teknologi dan pengetahuan asing yang sesuai tanpa pelaburan asing, bantuan asing dan nasihat asing.

3.1.3 Amalan Pemakanan (Diet)

Masyarakat Jepun dari sudut globalisasi merupakan sebuah masyarakat yang mementingkan pengamalan makanan yang seimbang. Ini kerana mereka mementingkan diet dalam kehidupan seharian mereka. Orang Jepun biasanya makan tiga kali sehari iaitu terdiri daripada sarapan pagi, makan tengahari biasanya hidangan ringan dan makan malam dianggap hidangan yang paling banyak yang terdiri daripada pelbagai jenis makanan dan merupakan makanan yang paling penting.⁴¹ Nasi telah menjadi makanan asasi orang Jepun sejak dahulu lagi dan bahan makanan lain masih menduduki tempat kedua. Beras Jepun ialah jenis yang pendek dinamakan *Japonica* berbeza daripada jenis *Indica* yang panjang. Manakala, makanan subsidiari yang utama ialah makanan laut dan sayur-sayuran tetapi daging banyak dimakan akhir-akhir ini. Istilah “*here*” membawa konotasi khas, formal atau umum dan meraikan tetamu di Jepun termasuk dalam kategori ini iaitu dianggap acara formal dan umum, bukan acara yang tidak formal dan tertutup (ke). Tempat yang digunakan adalah sebuah bilik khas dengan dihidangkan dengan teh, kuih-muih dan minuman keras sebagai pembuka selera dan disimpan apabila nasi dihidangkan. Di sebabkan oleh tingkat purata pengambilan khasiat yang tinggi, keobesan menjadi suatu masalah sosial dan pengumpulan kolestrol yang berlebihan telah menjadi purata penyakit seperti kencing manis, penyakit jantung dan tekanan darah tinggi

⁴¹ JETRO (Organisasi Perdagangan Luar Jepun), *Berurusniaga Di Jepun* (terj.), Pustaka Cipta Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1984, hlm 6.

meningkat. Namun, apa yang jelas dalam signifikan Jepun terhadap amalan pemakanan diet ini telah menjadikan Jepun sebagai model utama dalam makanan asasi iaitu beras.⁴²

Dari segi ketamadunan dapatlah dikatakan tamadun Jepun merupakan suatu tamadun yang paling unik sekali di antara banyak tamadun yang lain. Ini disebabkan Jepun merupakan negara Kepulauan (Island Nation). Justeru itu, mengalami banyak gangguan tamadun dari luar dalam tempoh yang sangat panjang. Dengan itu, bolehlah dianggap pemikiran masyarakat Jepun bertunjang kepada pemikiran pulau (Island Mentality) dan tidak sesuai dengan tamadun lain. Malah, tamadun Jepun merupakan satu-satunya tamadun yang merujuk kepada bangsa Jepun itu sendiri.

3.2 ASAL USUL BANGSA DAN TAMADUN JEPUN

Mengenai asal-usul bangsa Jepun, belum dapat dipastikan oleh ahli-ahli sejarah. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa sebelum kedatangan orang Jepun baru, sudah ada penduduk asli di negeri Jepun yang dipanggil *Ainu*.⁴³ Mereka tersebar keseluruh Kepulauan Jepun. Selepas itu, barulah berlaku penghijrahan orang China, Korea dan Manchuria termasuk orang-orang dari selatan. Mengikut Harold M. Vinacke, “melalui Korea dan harus juga melalui Sakhalin datang setengah daripada unsur-unsur bangsa yang bersama dengan yang lainnya daripada selatan membentuk orang Jepun

⁴² Ibid., hlm. 10

⁴³ Joginder Singh Jessy, *Sejarah China dan Jepun*, Kuala Lumpur : Art and Printing Services Sdn. Bhd., 1981, hlm. 93.

moden.⁴⁴ Sungguhpun demikian keadaan yang mula-mula wujud di negeri Jepun tidaklah diketahui kerana dari zaman itu tidak ada sama sekali catatan-catatan bertulis yang dapat digunakan sebagai panduan. Mengikut catatan yang merupakan cerita dogeng, kerajaan yang mula-mula di negeri Jepun ialah dalam zaman Yamato. Dikatakan Ninigi, cucu kepada Dewi Matahari (*Ameterasu*) menubuhkan kerajaan di Lembah Yamato pada 660 s.m. Maharaja Jimmu menaiki takhta kerajaan dan beliau disifatkan sebagai maharaja yang pertama. Perpaduan yang diwujudkan oleh pemerintah-pemerintah Yamato berakhir di permulaan zaman Kristian apabila negeri tersebut dibahagikan kepada 32 wilayah, tiap-tiap satu mempunyai pemerintahnya sendiri.

Apabila kerajaan Yamato mengalami keruntuhan muncul pula kerajaan baru dari keluarga Soga yang diasaskan oleh Putera Shotoku (574-622m) yang berdarah separuh Soga. Ketika ini telah digunakan panggilan “Tenno” untuk maharaja. Perubahan yang ketara dalam zaman Soga ialah penerimaan agama Buddha yang dibawa dari negeri China yang mendapat penerimaan kerana dikaitkan dengan semangat Bushido.

Namun terdapat sebab-sebab A Priori yang terbit hasil daripada pengetahuan tentang fakta-fakta geografi dan sejarah yang menghasilkan kesimpulan bahawa bangsa Jepun adalah satu campuran elemen-elemen daripada zaman pra sejarah yang berasal dari kawasan-kawasan berbeza tanah besar Asia. Menurut teorinya, orang Jepun dikatakan berasal dari tiga keturunan, iaitu orang Ainu (Kaukasoid), orang Mongoloid (China-Mongolia) dan Nusantara (Asia Pasifik).

⁴⁴ Maswari Rosdi, “ Sejarah Bangsa dan Negeri Jepun” dalam *Sejarah China dan Jepun 1800-1955*, Kuala Lumpur : Adabi Publishing, Sdn. Bhd., 1983, hlm. 56

Bukti-bukti arkeologi yang diperolehi selama ini berjaya memberikan gambaran tentang kehidupan prasejarah di Jepun, namun, ia tidak dapat membuktikan dengan nyata tentang asal-usul sebenar masyarakat Jepun. Terdapat dua jenis peradaban neolitik yang dapat dikenal pasti. Salah satunya adalah Jomon dan yang keduanya merupakan Yayoi. Aturan kemunculan elemen-elemen pra sejarah ini dan nisbah percampuran mereka tidak boleh ditentukan secara tepat, namun terdapat kemungkinan yang tinggi, daripada sudut geografi Kepulauan Jepun di mana ia terletak pada satu posisi melengkung (curve) merentasi persisiran pantai Asia Barat bahawa bangsa yang dominan adalah yang berasal daripada Asia Utara. Mereka yang mendiami kawasan berhampiran Korea mungkin berasal daripada keturunan Mongoloid (Cina-Mongolia) yang tiba di Kepulauan Jepun pada zaman neolitik melalui China. Ini ditambah lagi dengan perbandingan kebudayaan awal Jepun dengan dongengan dan upacara Shamanisme seperti yang ada di Asia Barat termasuk senjata. Ciri-ciri dominan yang ada pada masyarakat Jepun yang menyerupai ciri-ciri Mongoloid adalah seperti dahi dan tengkuk yang lebar, berkulit kekuningan, berambut lurus dan lain-lain lagi. Ahli antropologi moden menyatakan terdapat stok-proto Melayu atau Nusantara di dalam masyarakat Jepun. Teori ini mengandaikan bahawa terdapat migrasi terus daripada Indonesia, Malaysia ataupun Kepulauan Polinesia ke Jepun.⁴⁵

⁴⁵ Ibid, hlm.55

3.3 INTERAKSI PERADABAN JEPUN DAN PERADABAN ASING

Kuasa Eropah yang pertama tiba ke negara Jepun adalah orang Portugis, iaitu pada tahun 1542 apabila kapal Cina yang membawa tiga orang Portugis dari Melaka hanyut berdekatan dengan pulau Kyushu. Ketibaan dan penemuan ini membuka jalan kepada orang Portugis untuk berdagang di Kagoshima apabila mereka bertapak di Macao pada tahun 1557. Orang Portugis mendesak bahawa mereka akan berdagang hanya sekiranya daimyo-daimyo tempatan memberi kebebasan agama Kristian kepada mubaligh kristian Portugis untuk bertapak di sini. Tujuh tahun kemudian, Sir Francis Xavier, seorang mubaligh Kristian tiba di Kagoshima. Ketibaan orang Portugis ke Jepun seiring dengan peristiwa kemuncak perang saudara yang diakibatkan oleh kelemahan Kesyogunan mengawal keadaan negara. Orang Portugis mengambil kesempatan dengan membekal senjata dan senapang semasa peperangan ini, dan juga membawa masuk agama Kristian.

3.4 PENGARUH AGAMA BUDDHA, KONFUSIANISME , SHINTO DAN ANIMISME

3.4.1 Buddha

Agama Buddha bukanlah agama pribumi masyarakat Jepun. Ianya merupakan agama asing yang dibawa dari China hasil daripada proses interaksi peradaban yang berlaku antara China dan Jepun melalui perantaranya iaitu Korea. Buddhisme dibawa masuk ke Jepun sekitar tahun 552 M ekoran daripada pemberian beberapa buah buku mengenai doktrin agama Buddha dan patung Buddha oleh Raja Korea (Paikche) kepada

kerajaan Jepun. Agama Buddha seterusnya mencapai kedudukan yang kuat hasil daripada peranan seorang individu yang berketurunan bangsawan iaitu Putera Shotoku. Kerana minatnya yang mendalam terhadap agama Buddha, beliau telah menjadi wali agama Buddha yang pertama di Jepun. Antara langkah yang telah diambil oleh beliau dalam mengembangkan ajaran Buddha ke Jepun ialah dengan pengenalan kod perlakuan sosial yang lebih dikenali sebagai “Perlembagaan Artikel 17”.⁴⁶

Agama Buddha telah memainkan peranan yang kuat dalam pembentukan “*world view*” masyarakat Jepun sama ada dari aspek keagamaan, sosial dan politik Jepun. Namun peranan penting agama Buddha dalam pembentukan world view masyarakat Jepun jelas terlihat melalui ajaran “Zen Buddhisme” iaitu ajaran daripada salah satu mazhab agama Buddha. Ajaran “Zen” ini lebih digemari oleh golongan samurai atau pahlawan Jepun memandangkan ajaran mazhab ini mementingkan disiplin diri serta kawalan diri melalui amalan meditasi atau bertakafur. Amalan ini memerlukan penumpuan fikiran dan emosi yang mendalam oleh pengikutnya. Justeru itu ianya amat bersesuaian dengan jiwa samurai atau pahlawan. Tetapi ajaran Zen Buddhisme ini juga turut diminati oleh golongan biasa masyarakat Jepun. Ajaran Zen ini juga menekankan aspek berani membuat keputusan walaupun keputusan yang diambil itu tidak menyenangkan hati kita sendiri. Dan yang pentingnya kita mesti bertanggungjawab terhadap keputusan yang telah diambil itu.⁴⁷

⁴⁶ M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, Arena Buku, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 6.

⁴⁷ Http : / www.Japan-Guide.Com/e/e2055.html, hlm.1

Falsafah sedemikian telah tertanam dalam minda dan pemikiran masyarakat Jepun. Sebagai kesannya, masyarakat Jepun sememangnya terkenal sebagai sebuah bangsa yang berdisiplin, bertanggungjawab, berani dan kuat semangat. Faktor inilah yang menyebabkan Jepun telah bangkit sebagai sebuah negara maju di dunia. Ajaran Buddha sebenarnya telah memberi sinar yang baru dalam kehidupan masyarakat Jepun. Melalui ajaran Buddha, ianya memperkenalkan konsep kehidupan selepas mati yang sebelum ini tidak terdapat dalam ajaran Shinto. Prinsip ini telah mempengaruhi "*world view*" masyarakat Jepun yang mana melalui falsafah tersebut masyarakat Jepun amat mengambil berat segala perlakuan dan tidak tanduk mereka di dunia ini.

Selain daripada elemen-elemen di atas, terdapat juga elemen-elemen yang terkandung di dalam ajaran agama Buddha yang telah mempengaruhi world view masyarakat Jepun. Antaranya ialah agama Buddha membawa prinsip persamaan hak sesama manusia dan pentingnya perpaduan di dalam membina sebuah negara yang kukuh. Menurut ajarannya, setiap manusia yang hidup di dunia ini mempunyai hak yang sama walaupun berbeza dari segi keturunan, agama, warna kulit dan lain-lain. Yang pastinya rakyat perlu hidup bersatu padu tanpa mengira perbezaan pendapat dan sebagainya demi keharmonian dan kesejahteraan negara. Dengan itu sahajalah, kemajuan sesebuah negara akan tercapai.

3.4.2 Konfusianisme

Sebenarnya Konfusianisme bukanlah merupakan bentuk agama tetapi ia lebih merupakan falsafah dan etika moral. Ajaran yang menekankan prinsip 5 perkara itu :

- 1) rakyat patuh kepada raja
- 2) anak patuh kepada ayah
- 3) adik patuh kepada abang
- 4) isteri patuh kepada suami
- 5) kawan setia kepada kawan

Melalui prinsip (1) sebagai kesannya masyarakat Jepun mempunyai semangat patriotik dan cintakan negara yang amat kuat dalam diri mereka. Rakyat Jepun amat berbangga dengan tanahair mereka. Pada masa yang sama mereka mempunyai sifat taat dan setia kepada maharaja tanpa berbelah bahagi kerana menurut ajaran Buddha, maharaja merupakan wakil Tuhan (*Tien*).⁴⁸ Kerana itulah rakyat Jepun sentiasa menjaga institusi istana mereka agar terus terpelihara. Melalui prinsip (4) pula, ia sememangnya telah memberi kesan yang mendalam kepada pembentukan world view masyarakat Jepun khususnya mengenai kedudukan wanita. Konfusianisme sememangnya menekankan bahawa kedudukan wanita sentiasa rendah daripada lelaki.

Sebelum kedatangan konfusianisme ke Jepun, wanita mempunyai status yang tinggi dalam pandangan masyarakat Jepun. Ini dipengaruhi oleh cerita mitos asal-usul bangsa Jepun yang dikatakan mempunyai kaitan dengan Dewi Matahari. Malah pernah suatu ketika Jepun telah diperintah oleh wanita iaitu Permaisuri Himiko (2M). Namun selepas pengenalan sistem konfusianisme, kedudukan wanita telah diletakkan pada tahap

⁴⁸ Mohd Fauzi Haji Awang, *Ugama-Ugama Dunia*, Penerbit PAP Kelantan, Kota Bharu, 1971, hlm. 102-106

yang rendah sehinggakan mereka tidak boleh membantah jika mendapati suaminya mempunyai hubungan dengan perempuan lain atau melanggan “*Geisha*”. Malah wanita Jepun telah ditanam dalam minda mereka bahawa mereka dilahirkan di dunia semata-mata untuk memberi khidmat kepada kaum lelaki dengan ikhlas, jujur dan setia. Dalam budaya Jepun tradisi, seorang isteri yang ideal akan berjalan beberapa langkah di belakang suaminya. Malah dia perlu membawa semua barangan sewaktu berbelanja. Namun pada zaman moden ini, wanita Jepun kebanyakannya mempunyai kerjaya dan kedudukan ekonomi keluarga banyak dibantu oleh kaum wanita. Namun yang pentingnya kedudukan kaum wanita Jepun sememangnya berada di bawah lelaki. Inilah *world view* ajaran konfusianisme yang telah membentuk pemikiran masyarakat Jepun.

Secara keseluruhannya, melalui prinsip (1-5) yang diterapkan oleh ajaran konfusianisme, ianya mementingkan nilai kasih sayang dalam kehidupan dan konsep ini telah diterima oleh semua lapisan masyarakat Jepun sebagai sifat yang mulia. Konsep ini dalam bahasa Jepunnya dikenali sebagai “*karuna*”. Falsafah dan pemikiran sedemikian telah berakar umbi dalam pemikiran masyarakat Jepun sehingga ke hari ini.

3.4.3 Shintoism

Pada dasarnya agama Shinto merupakan satu kepercayaan yang tidak berorganisasi (tidak mempunyai fahaman ketuhanan yang jelas, tidak mempunyai suruhan dan larangan yang tegas), tidak mempunyai kitab-kitab, tidak mempunyai perantara atau nabi sebagaimana agama-agama lain yang mana masyarakat Jepun lebih


mengenalinya sebagai “kami”. Menurut kepercayaan masyarakat Jepun, terdapat pelbagai kami, namun ia tetap mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu ia tidak mempunyai bentuk, tidak mempunyai moral yang mana mempunyai kuasa untuk bertindak balas, tidak kira sama ada tindakannya itu disukai manusia atau tidak. Kerana itulah masyarakat Jepun amat menghormati alam. Kebanyakan daripada “*Kami*” tidak menyukai darah, kekotoran dan kematian.⁴⁹ Oleh itu, masyarakat Jepun mempercayai bahawa ‘*Kami*’ mempunyai kuasa luar biasa untuk memenuhi permintaan mereka serta melindungi mereka daripada bencana. Dengan erti kata lain, pandangan semesta masyarakat Jepun mempunyai ciri-ciri animisme. Oleh itu kuasa-kuasa alam semulajadi seperti pokok-pokok besar, batu, gunung, dan lain-lain fenomena alam menjadi objek penyembahan agama Shinto.

3.4.4 Animisme

Animisme mempunyai kaitan dengan kepercayaan kepada semangat (spirit). Di peringkat awal, orang-orang Jepun primitif membuat penyembahan alam semulajadi terutama benda-benda yang pelik seperti pokok besar, batu atau gunung. Walaupun semua benda dipercayai mempunyai semangat tetap masih tidak ada konsep roh yang berkekalan dan falsafah hidup dan mati. Perkara-perkara yang mendatangkan kekaguman dianggap sebagai tuhan yang mempunyai kuasa misteri. Penyembahan nenek moyang ini diamalkan oleh banyak bangsa di dunia termasuklah bangsa Aryan yang terkenal di zaman dahulu.⁵⁰

⁴⁹ Milon Nandy, *The Profound Teachings of Buddhism, Taoism, Konfucianism & Shintoism*, hlm. 98.

⁵⁰ Nobushige Hozumi, *Ancestor: Worship and Japanese Law*, Librarian Press, new York, 1973, hlm. 25.



The Great Wave (Tsunami) of Kanagawa oleh pelukis Jepun yang terkenal bernama Hokusai "*The Great Wave off Kanagawa* " Sumber dipetik dan diubahsuai dari internet : <http://www.cjn.or.jp/ukiyo-e/hokusai-kanagawa.html>

3.5 PENGARUH BUKAN AGAMA

3.5.1 Pemikiran dan Jati Diri Orang Jepun

Salah satu daripada ciri unik di dalam peradaban Jepun ialah mereka suka berpegang kepada sesuatu idea atau gagasan. Idea atau gagasan ini mengambil tempat dalam bentuk konsep, prinsip semangat ataupun falsafah dan mereka begitu terikat kepada gagasan tersebut. Ini dibuktikan melalui manifestasi kepada gagasan tersebut di dalam kehidupan seharian masyarakatnya. Ianya diterjemahkan kepada semua aspek

kehidupan dan sejarah telah membuktikan bahawa ianya telah banyak menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan masyarakat dan negara Jepun.⁵¹

3.5.2 Bushido

Satu etika moral kelas samurai. Berasaskan dari idea Konfucianisme dan bermula dalam Zaman Kamakura. Bushido menekankan kepada kesetiaan mutlak, pengorbanan diri, keadilan, perasaan malu, adab yang halus, kesucian, kesopanan, jimat cermat, semangat keperwiraan, kehormatan, kasih sayang dan lain-lain. Bushido menggalakkan latihan kerohanian untuk tujuan menguasai diri. Selepas berjaya menguasai diri, barulah seseorang boleh menguasai orang lain. Kehormatan berasal dari kemenangan dalam mendisiplinkan diri.

3.5.3 On (Perasaan Terhutang Budi)

On adalah rasa kewajiban sosial dan psikologi apabila menerima bantuan dari orang lain. Perkataan “on” berasal dari masyarakat pahlawan iaitu apabila ketua-ketua menghadiahkan tanah kepada pengikutnya. Masyarakat moden mereka yang berkedudukan tinggi akan menjaga kebajikan orang bawahnya. Orang bawahan ini akan merasa terhutang budi (on) dan akan membalasnya menerusi menunjukkan rasa hormat dan memberikan kesetiaan. Untuk melupakan “on” ini secara moralnya adalah sesuatu yang tidak dapat dimaafkan. “Oya no on” adalah rasa tanggungjawab kepada kedua ibu bapa dan ianya dilaksanakan dengan cara menjaga kedua-dua mereka semasa tua.

⁵¹ Nippon: The Land and Its People, 1984, 1984, hlm. 329.

3.5.4 Giri (Kewajiban Moral)

Konsep giri yang dilahirkan di zaman feodal adalah satu taraf yang sangat dihargai dalam perkembangan manusia. Contohnya, di antara ketua dan pekerja, ibu bapa dan anak, suami dan isteri, abang dan kakak dan sebagainya. Pada asasnya ia merujuk kepada perkara yang seseorang perlu lakukan atau tingkah laku yang gbetul demi kelicinan perhubungan sosial. Oleh itu ia mencakup bentuk, sikap dan tingkah laku yang luas. Giri juga berkisar tentang perasaan ambil berat terhadap seseorang yang pernah memberi bantuan kepada kita. Kita biasanya akan merasa terhutang budi dan ingin memberikan balasan yang setimpal. Inilah dikatakan “giri wa hatasu”. Di antara cara untuk “giri wa hatasu” ialah dengan cara memberikan hadiah di upacara, seperti perkahwinan dan sebagainya.

3.5.5 Ninjo (Perasaan Kemanusiaan)

Ninjo dapat disamakan dengan pelbagai perasaan kemanusiaan seperti cinta, simpati, ehsan dan persahabatan di antara ibu bapa dan anak, sahabat, dan sebagainya akan tetapi, ia punya makna yang istimewa dalam masyarakat Jepun. *Ninjo* biasanya dibandingkan dengan perasaan “kewajiban moral”. Akan tetapi *ninjo* adalah pernyataan perasaan secara spontan terhadap orang lain. Kewajiban moral dan *ninjo* adalah dua peraturan yang secara tradisionalnya diaplikasikan dalam masyarakat kebanyakan di Jepun. Ianya telah turut diwarisi oleh masyarakat Jepun kontemporari.

3.5.6 Haji (Malu)

Perasaan malu adalah teras kepada mental orang Jepun. Ia amat ditekankan oleh orang Jepun. Bagi golongan generasi di zaman feudal, dimalukan di depan khalayak ramai adalah merupakan satu kematian. Di Jepun tingkah laku seseorang adalah dipengaruhi oleh sifat malu.

3.5.7 Nemawashi (Perundingan)

Nemawashi adalah satu teknik untuk mengelakkan kekeliruan dan mendapatkan persetujuan dan semua orang terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Kalau sekumpulan orang yang mempunyai pandangan yang berbeza dalam mesyuarat, mereka sudah pasti akan sukar mencapai sebarang persetujuan, tetapi jika 'nemawashi' diamalkan dan pendapat diselaraskan terlebih dahulu, keputusan atau persetujuan atau kesimpulan boleh dicapai tanpa membuang masa.

3.5.8 Konjo

'Konjo ga aru' (mempunyai konjo) adalah seseorang yang mempunyai semangat berjuang, kesanggupan keazaman, ketabahan dan keberanian. Seseorang yang mempunyai konjo akan melaksanakan sesuatu pekerjaan walaupun banyak halangan yang ditempuhi. Halangan tidak melemahkan malah menyemarakkan lagi semangatnya untuk

meningkatkan usaha. Konjo adalah satu unsur tambahan selain daripada kepakaran dan pengalaman yang menjadikan seseorang itu lebih baik dari yang lain.

3.5.9 Hara (Perut)

‘Hara’ bererti perut. Dalam bahasa Jepun, hara adalah tempat duduknya perasaan, sama seperti hati. Akan tetapi hara hanya digunakan bagi perasaan lelaki. Wanita biasanya menghadkan perasaannya di hati.

‘Hara gei’ (kesenian perut) – ia menjelaskan tentang teknik menyelesaikan masalah melalui perundingan tanpa merujuk secara terus kepada perkara yang dibincangkan. Di dalam menggunakan teknik ini seseorang itu tidak perlu untuk mendedahkan kepada pihak yang lain apakah ‘hara’ tetapi secara berkesan dan tanpa silap dia tetap berjaya menyampaikan tujuan, keinginan dan objektif. ‘Hara wo watte hanasu’ – untuk mengadakan perbincangan dari hati ke hati. ‘Hara wo miseru’ – untuk mendedahkan apa yang ada dalam fikiran.

Di Jepun, lelaki yang dihormati sebagai seorang yang mempunyai keperibadian yang tinggi dikatakan sebagai seorang yang ‘punyai perut’ bererti yang beliau adalah lelaki yang punya prinsip.

3.6 IDEOLOGI DAN PEMIKIRAN JEPUN

Jepun adalah sebuah negara kepulauan yang agak unik dari segi agama dan kebudayaannya. Secara umumnya masyarakat Jepun tidaklah mempercayai hanya satu agama sahaja, mereka begitu terbuka terutama kepada dua aliran agama tradisional yang telah berkembang sejak sekian lama di bumi mereka, yakni agama Shinto (agama asal) dan agama Buddha yang dibawa masuk dari Tanah Besar China. Pada era moden ini, pengaruh agama Kristian juga menular sekali. Agama-agama ini mempunyai pengaruh yang besar pada budaya Jepun yang kemudiannya mempengaruhi seni pengurusan Jepun.

Agama Shinto sebenarnya seperti juga agama-agama animisme lain yang percaya kepada pelbagai jenis Tuhan dan dewa dewi yang banyak. Ia lebih kepada upacara meminta pertolongan dari dewa-dewi yang mereka percayai terutamanya dalam hal-hwal seperti pertanian, perniagaan dan masalah-masalah hidup.⁵² Agama Buddha datang setelah penyebarannya di China oleh Bodhidharma (salah seorang tokoh besar aliran Tantra dari India) melalui tokoh-tokoh Zen Jepun pada abad ke enam masehi. Pelbagai aliran Zen seperti Rinzai, Dogen, Soto, Obaku yang mempunyai bermacam-macam teknik meditasi diperkenalkan di Jepun. Hasil dari perkembangan pesat Zen di Jepun, kebudayaan Jepun secara sendiri turut dipengaruhi oleh gerakan Zen ini. Jikalau di tinjau dengan lebih teliti, pengaruh dari aliran Zen inilah yang menghasilkan seni dan budaya Jepun yang unik seperti lukisan, gubahan bunga, hiasan taman, upacara minum teh, acara memanah gaya Jepun. Dalam seni-seni ini jelas kelihatan semangat dan pengaruh

⁵² Milon Nandy, *The Profound Teachings of Buddhism, taosim, Konfucianism & Shintoism*, hlm. 76.

meditasi aliran Zen. Aliran Zen ini amat mempengaruhi budaya dan etika kerja orang Jepun.

Selain itu, oleh kerana pada zaman dahulu orang-orang Jepun sering berperang sesama sendiri, mereka terkenal dengan semangat keperwiraan yang teguh. Orang-orang Jepun zaman dahulu bukanlah seperti zaman sekarang yang kaya dan hidup mewah, mereka senantiasa hidup dalam peperangan antara suku dan puak., penuh kesusahan dan penderitaan yang menyebabkan mereka sudah lali dengan keperitan dan kepayahan hidup. Ditambah dengan kepadatan penduduk di pulau yang sempit, kekurangan tanah pertanian dan gempa bumi yang sering berlaku, lantas persaingan dan perjuangan untuk hidup adalah begitu hebat sekali. Dari sinilah munculnya semangat 'samurai' yang tidak kenal erti takut dan senantiasa berani menghadapi berani menghadapi lawan mahupun masalah kehidupan. Kepayahan hidup dan persaingan yang sengit ini turut dibawa sehingga ke zaman moden ini. Justeru itu, demi hidup, mereka mesti cekal-tabah dan berani bersaing. Orang-orang Jepun yang begitu ramai jumlahnya (120 juta) seolah-olah sudah terbiasa bersaing antara satu sama lain. Menurut Akio Morita, intipati kepada kejayaan Jepun membangunkan ekonominya adalah kerana 'persaingan'.⁵³

'Samurai' adalah istilah untuk pendekar-pendekar Jepun yang mempertahankan puak, daerah atau tuan tanahnya (daimyo). Mereka adalah wira-wira yang terkenal bukan sahaja kerana keberaniannya sanggup berkorban dalam peperangan, tetapi juga kerana disiplin yang tinggi, ketabahan, kehormatan, kesetiaan, pada puak dan tuan

⁵³ Ibid, hlm. 14

mereka. Tiada istilah ‘membelot’ dalam kamus hidup mereka terus taat setia hingga ke akhir hayat. Mereka yang menjadi samurai kepada sesuatu puak atau daimyo menjadi ahli keluarga yang sehidup semati. Akibat dari keberanian dan kesetiaan mereka ini, sebagai balasannya, tuan-tuan mereka. Para daimyo ini akan menjaga dan melindungi bukan sahaja diri mereka tetapi juga anak-isteri dan keluarga sepanjang masa meskipun selepas mereka mati terkorban dalam perang. Semangat samurai inilah yang menjadi hati pada etika pengurusan Jepun masa kini. Nilai-nilai pada jiwa samurai seperti berorientasikan kumpulan, keberanian, ketabahan, kesetiaan, kehormatan dan sebagainya terus menjadi teras dasar dalam budaya pengurusan Jepun. Hubungan pekerja majikan dalam konteks pengurusan Jepun boleh dilihat dari sudut hubungan samurai-daimyo ini tadi.⁵⁴ Masyarakat Jepun merupakan sebuah bangsa yang unik. Secara umumnya, masyarakat Jepun mempunyai beberapa ciri utama antaranya ialah Jepun merupakan sebuah negara yang “homogeneous” iaitu satu bangsa yang tidak mempunyai ras, agama, bahasa dan bangsa yang berbeza.⁵⁵ Masyarakatnya juga mempunyai sikap menjunjung tinggi kepada budaya ilmu serta mempunyai sikap ingin tahu yang kuat kepada maklumat, mempunyai semangat positif terhadap bekerja, sifat ingin bersaing yang kuat dalam diri mereka, membuat keputusan secara bersama dan bekerjasama bukan mementingkan kepentingan individu. Malah masyarakatnya terkenal dengan sifat kesenian yang tinggi dalam menjalani urusan kehidupan seharian.

⁵⁴ Joy Hendry, *Understanding Japanese Society*, London : Routledge, 1987, hlm 19.

⁵⁵ *Ibid*, hlm. 20.

3.7 GENERASI BARU JEPUN DAN PENGARUH PEMIKIRAN BARAT

Pengembalian kuasa pemerintahan kepada maharaja Meiji menandakan bermulanya proses pemodenan Jepun. Maharaja Meiji atau nama sebenarnya Mikado Mutsuhito telah ditabalkan sebagai maharaja Jepun pada tahun 1867. Semenjak itu, baginda telah menjalankan usaha-usaha pemodenan yang pesat dalam impiannya untuk menjadikan Jepun sebagai sebuah kuasa tentera yang kuat dan kaya (*Fukoku Kyohei*) yang setanding dengan negara-negara barat. Usaha-usaha pemodenan merangkumi pelbagai aspek seperti aspek politik dan pentadbiran, pendidikan, ketenteraan, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan. Dengan kata lain, usaha pemodenan ini, mencakupi semua aspek sama ada material atau spiritual. Negara Jepun hanya mengambil masa selama kira-kira 50 tahun sahaja untuk menjadi sebuah negara yang moden, maju serta setaraf dengan negara-negara barat.

3.7.1 Perubahan Politik

Kejatuhan kerajaan Shogun Tokugawa menyaksikan pemerintahan negara berpindah dari shogun kepada maharaja. Pada tahap ini, Maharaja Jepun telah diangkat ke tempat yang sepatutnya ia duduki. Sebaik sahaja Maharaja Meiji memegang tampuk pemerintahan Jepun, Baginda telah berikrar untuk membangunkan rakyat dan negaranya setanding dengan negara Barat. Justeru itu, pada 6 April 1868 Maharaja Meiji telah mengeluarkan satu Piagam Sumpah Lima Perkara (*Gokajo no Goseimon*). Piagam ini dianggap sangat penting di mana ia menggariskan prinsip-prinsip yang akan diikuti oleh

kerajaan baru ini dalam memodenkan negara. Kandungan Piagam Sumpah lima perkara (*Gokajo no Goseimon*) itu ialah:

- 1) Dewan Persidangan hendaklah dibentuk seluas-luasnya dan semua langkah-langkah hendaklah ditentukan melalui perbincangan awam.
- 2) Golongan atasan dan golongan bawahan hendaklah bersatu dalam menjalankan rancangan-rancangan negara dengan sesungguhnya.
- 3) Semua golongan hendaklah dibenarkan untuk memenuhi aspirasi mereka yang berpatutan dan hendaklah berpuas hati.
- 4) Adat dan amalan masa lampau yang buruk hendaklah diberhentikan dan prinsip-prinsip alam yang adil dan sama rata hendaklah menjadi asas dasar kita.
- 5) Pengetahuan hendaklah dicari di seluruh dunia supaya kebajikan empayar dapat dimajukan.

Dari isi kandungan piagam ini, jelas menunjukkan kesungguhan dan kemahuan yang tinggi oleh Maharaja Meiji untuk melihat negara Jepun berubah. Segala halangan, sekatan dan amalan zaman feudal yang dianggap boleh menjadi penghalang kepada proses pemodenan Jepun dihapuskan. Apa yang penting lagi, Kerajaan Meiji mengambil sikap untuk tidak berkonfrontasi dengan Barat seperti sebelum ini, sebaliknya mahu Jepun belajar daripada Barat. Jepun tidak mahu menerima nasib buruk seperti negara China yang telah dijajah dan dibahagi-bahagikan wilayahnya oleh kuasa-kuasa Barat lantaran sikap China yang sombong dan tidak mahu menerima kuasa-kuasa Barat tersebut. Justeru itu, seruan dan laungan awal seperti *Sonno Joi* (kembalikan maharaja,

singkirkan orang gasar) beransur-ansur digantikan dengan laungan yang lebih pragmatik dan relevan seperti *Wakon Yosai* (semangat Jepun, ilmu barat).⁵⁶

Sebagai langkah awal, Kerajaan Meiji bertindak memindahkan pusat pentadbirannya dari Kyoto ke Edo. Kerajaan Meiji mahukan sebuah ibukota yang akan berfungsi sebagai pusat pemerintahan. Sebelum ini, iaitu sewaktu pemerintahan kerajaan Keshogunan Tokugawa, wujud dua pusat pemerintahan di Jepun iaitu Kyoto dan Edo.

Usaha untuk menghapuskan sistem feodal ini telah dimulakan oleh Kido Koin dan Okubo Toshimichi. Mereka telah menggesa daimyo-daimyo dari suku kaum Choshu, Satsuma, Tosa dan Hizen menyerahkan kesemua tanah-tanah di bawah kawalan mereka kepada maharaja, diikuti oleh daimyo-daimyo. Kesungguhan dan kesedaran tentang betapa perlunya sistem feodal dihapuskan dapat dilihat dari kata-kata Kido Koin.

Pada tahun 1871, sistem feodal berjaya dihapuskan. Kesemua tanah-tanah secara teorinya menjadi hak milik maharaja dan secara praktiknya pula dijadikan sebagai tanah kerajaan. Negara Jepun kemudiannya dibahagikan kepada daerah-daerah yang tertentu dengan setiap satunya ditadbir oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik dari kalangan daimyo-daimyo sendiri.⁵⁷

Selain penghapusan sistem feodal, satu lagi perubahan besar yang dilakukan oleh kerajaan Meiji untuk membuka jalan ke arah kemodenan ialah penghapusan sistem kelas

⁵⁶ Donald Keene, *Appreciation of Japanese Culture*, Tokyo : Kodansha International Ltd, hlm. 14.

⁵⁷ *Ibid*, hlm. 11

pada tahun 1871. Sistem kelas ini dilihat sebagai satu halangan kepada proses pemodenan Jepun. Ia juga adalah untuk menepati ikrar yang telah dibuat dalam Piagam Sumpah lima perkara (*Gokajo no Goseimon*) sebelum ini.⁵⁸

Banyak perubahan berlaku ke atas masyarakat Jepun apabila sistem kelas dihapuskan. Antaranya ialah orang awam kini telah dibenarkan memakai nama keluarga, perkahwinan antara kelas atasan dan kelas bawahan yang diharamkan sebelum ini telah dibenarkan, orang awam Jepun dan petani diberi kebenaran memakai pakaian rasmi dan menunggang kuda yang mana sebelum ini adalah hak istimewa golongan samurai dan juga kebenaran untuk menggayakan stail potongan rambut pilihan sendiri.

Sekatan perhubungan yang dikuatkuasakan semasa kerajaan Shogun Tokugawa berkuasa dimansuhkan. Sistem keturunan yang menentukan pekerjaan juga dihapuskan. Setiap individu diberi peluang dan kebebasan untuk memilih pekerjaan yang diminatinya. Setiap individu adalah sama disegi undang-undang. Kelas lain yang dinaikkan tarafnya dari bahagian bawah hirarki masyarakat ialah golongan Eta dan Hinin yang selama ini dilayan sebagai kotor dan jijik dalam masyarakat. Golongan ini dianggarkan berjumlah 400 000 atau lebih kurang 1% dari jumlah penduduk Jepun. Penghapusan sistem kelas ini telah memberi kesan buruk kepada golongan samurai. Keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati oleh mereka selama ini mulai hilang. Sebagai contoh, mereka dilarang memakai pedang yang menjadi kebanggaan mereka sejak zaman berzaman.

⁵⁸ Ibid, hlm. 14

Pada tahun 1872, pemerintah kerajaan Meiji telah memperkenalkan perkhidmatan tentera negara. Orang awam dibenarkan menyertai pasukan tentera tersebut. Keahliannya tidak lagi terhad kepada kelas samurai sahaja seperti sebelum ini. Keadaan ini secara tidak Kelas samurai tidak lagi mempunyai perkerjaan yang tetap. Mereka terpaksa menyara hidup mereka dengan mencari pekerjaan lain.

Dalam usaha pengukuhan pentadbiran negara juga, pemimpin-pemimpin Meiji merasakan Jepun perlu mempunyai sebuah perlembagaan. Tugas penggubalan perlembagaan Jepun dilakukan oleh Ito Hirobumi dengan dibantu oleh Inonye Tsuyoshiaki, Ito Myoji dan Kaneko Kentaro. Bagi menyiapkan sebuah perlembagaan yang sesuai dan memenuhi kehendak, perlembagaan-perlembagaan negara Barat telah dijadikan sebagai panduan. Akhirnya pada 11 Februari 1889, sebuah perlembagaan Jepun telah berjaya dihasilkan. Perlembagaan ini bermodelkan Perlembagaan Prussia dan turut mempunyai unsur-unsur konfusianisme di dalamnya. Perlembagaan yang dikenali sebagai Perlembagaan Meiji atau Perlembagaan Empayar Jepun (*Dai Nihon Teikoku Kempo*) ini merupakan satu kurniaan daripada Maharaja kepada rakyat Jepun.

Perlembagaan turut mewujudkan sistem kehakiman moden, kewangan dan percukaaian kerajaan dan hak dan tanggungjawab warganegara. Kuasa tertinggi bukan terletak pada badan perundangan tetapi pada cabang eksekutif yang bertindak di atas nama maharaja. Institusi yang paling berkuasa ialah Jemaah Menteri, pegawai-pegawai tinggi awam atau tentera, badan penasihat maharaja dan *genro* (Negarawan Tua), iaitu kumpulan pemimpin senior era Meiji.

3.7.2 Pemodenan Ketenteraan

Pertembungan dengan barat ini telah menyedarkan Jepun tentang pentingnya kekuatan tentera dan teknologi ketenteraan. Keadaan ini telah dibuktikan oleh Barat apabila mereka mengetuk pintu Jepun untuk memaksa Kerajaan Shogun Tokugawa pada masa itu membuka Jepun dari dasar pemencilannya selama 100 tahun. Kita dapat lihat bagaimana Barat dengan berbekalkan kekuatan ketenteraan yang tinggi, mudah menundukkan Kerajaan Shogun Tokugawa yang pada masa itu ketinggalan dari sudut teknologi ketenteraan. Berikutan itu, Jepun sedar ia perlu mempunyai satu angkatan tentera yang kuat yang setanding dengan negara Barat supaya ia dapat memelihara kedaulatannya. Jepun tidak mahu peristiwa memalukan semasa pencerobohan Komodor Perry berulang kembali. Pada ketika itu sistem ketenteraan Perancis dilihat sebagai yang terbaik ketika itu. Banyak pegawai-pegawai tentera Perancis telah dibawa masuk untuk berkhidmat sebagai penasihat bagi melatih tentera-tentera Jepun. Walau bagaimanapun sistem ketenteraan Perancis ini telah ditukar kepada sistem ketenteraan negara Jerman. Perubahan ini terjadi berikutan kekalahan Perancis kepada Jerman dalam Perang Jerman-Perancis 1870-1871. Manakala bagi tentera laut pula, kerajaan Meiji meniru sistem ketenteraan British dan Amerika Syarikat. Sehingga penghapusan sistem feodal dan sistem *han* selesai dilaksanakan. Dalam bulan Disember 1872 pemimpin-pemimpin Meiji telah melaksanakan suatu sistem kerahan tentera. Sistem kerahan tentera telah dilaksanakan ke atas mereka yang telah berusia 20 tahun.⁵⁹

⁵⁹ Joy Hendry, *Understanding Japanese Society*, London : Routledge, 1987, hlm19.

Pada tahun 1878, Yamagata Aritomo telah menyusun semula pentadbiran angkatan tentera ala Negara Jerman. Beliau juga telah menambahkan tempoh perkhidmatan kerahan tenaga dari tahun 1878 sehingga tahun 1883 dan ini mewajibkan seorang askar kerahan supaya berkhidmat dalam Angkatan Tetap atau Simpanan selama 12 tahun (iaitu 3 tahun dalam angkatan tetap dan 9 tahun dalam Pasukan Simpanan).

Begitu juga angkatan tentera laut juga turut dimajukan oleh pemerintah. Dalam tahun 1872, tentera laut Jepun mempunyai 17 kapal perang yang kesemuanya berjumlah hampir 14 000 tan. 3 buah kapal besar telah dibeli dari England pada tahun 1878. Beberapa program pembelian dan pembinaan kapal juga turut dibuat antara Jepun dan England. Pada tahun 1894 angkatan tentera laut Jepun berjumlah 28 buah kapal perang moden yang beratnya 57 000 tan dan 24 bot torpedo. Jepun telah mampu membuat peluru torpedonya sendiri dan senapang tembak tepat. Pihak Jepun juga dalam usaha untuk memahirkan angkatan tenteranya dalam ilmu peperangan Barat telah bertindak mengambil pegawai tentera Barat untuk berkhidmat dan memberikan tunjuk ajar. Justeru itu, seorang pegawai tentera dari Jerman, iaitu Mejar Klemans Meckel telah dilantik sebagai penasihat kepada ketua-ketua angkatan tentera Jepun.

Kejayaan pemodenan ketenteraan Jepun ini dapat dilihat apabila kemenangan Jepun terlibat dalam peperangan dengan China pada tahun 1894-1895 dan peperangan dengan Rusia pada tahun 1904-1905.

3.7.3 Pemodenan Pendidikan

Pertembungan dengan Barat telah memberikan kesan yang mendalam dalam aspek pendidikan Jepun. Ilmu pengetahuan Barat yang tinggi dalam pelbagai bidang amat mengagumkan orang Jepun. Pemimpin-pemimpin Meiji sedar bahawa aspek pendidikan adalah amat penting dalam proses pemodenan Jepun yang sedang diusahakan. Jepun perlukan rakyat yang pandai membaca dan menulis serta mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang. Justeru itu, satu sistem pendidikan yang moden perlu diwujudkan dan dalam hal ini, dunia Barat telah dijadikan sebagai sumber ilmu pengetahuan. Untuk tujuan tersebut, kerajaan Meiji telah bertindak menghantar pelajar-pelajar Jepun yang terpilih dan bekebolehan ke negara-negara Barat untuk mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan Barat.

Pada tahun 1871 hingga 1873, satu rombongan pelajar seramai 54 orang yang diketuai oleh Iwakura Tomomi telah dihantar oleh Kerajaan Meiji ke negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Belgium, Belanda dan Jerman di bawah tajaan kerajaan, selain perbelanjaan sendiri atau ditanggung oleh keluarga.

Proses pembelajaran juga dilakukan dengan mengupah pakar-pakar dari Barat untuk berkhidmat di Jepun. Dalam keseluruhan zaman Meiji (1868-1912) terdapat kira-kira 4000 orang asing yang diupah bekerja di Jepun. Mereka digelar *O-yatoi*, datang dari negara-negara seperti Britain, Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat serta dibayar

dengan gaji yang lumayan sekali.⁶⁰ Perbelanjaan yang besar untuk menggajikan pakar-pakar ini menyebabkan kerajaan Meiji segera menggantikan mereka dengan pelajar-pelajar Jepun yang terlatih dan berbakat serta yang telah mendapat pendidikan di Barat.

Dalam usaha mewujudkan sistem pelajaran yang seragam di seluruh negara, sebuah Kementerian Pendidikan telah ditubuhkan pada tahun 1871. Setahun kemudian, Akta Pendidikan yang pertama telah dikeluarkan.

Pada tahun berikutnya (1872), Kerajaan telah mengumumkan bahawa negara Jepun akan dibahagikan kepada 8 kawasan pelajaran dan pendidikan. Setiap kawasan ini akan mempunyai sebuah universiti, 32 sekolah menengah dan 210 sekolah rendah. Semua kanak-kanak yang berusia 6 tahun ke atas akan menerima pendidikan dan pelajaran wajib selama enam belas bulan. Menjelang tahun 1880, terdapat hampir 28 000 buah sekolah rendah dengan lebih 2 juta murid-murid.⁶¹

Dalam tahun 1886, Mori Arinori (yang menjadi Menteri Pelajaran dari 1885-1889) telah membuat perubahan selanjutnya kepada sistem persekolahan. Beliau telah memulakan suatu sistem yang mengandungi sekolah-sekolah rendah, diwajibkan selama 8 tahun sementara sekolah menengah menawarkan kursus selama 4 tahun dan sekolah-sekolah tinggi.

⁶⁰ Ibid, hlm.19

⁶¹ Ibid, hlm. 21

Sepertimana halnya dalam pemodenan ketenteraan, pada peringkat awal, Kementerian Pendidikan menggunakan sistem pendidikan berpusat seluruhnya mengikut acuan Perancis. Pendidikan diwajibkan selama enam belas bulan untuk murid lelaki dan perempuan. Pada 1880 pendidikan wajib dilanjutkan kepada tiga tahun, dan dilanjutkan lagi kepada enam tahun pada 1907, tetapi pada tahun 1905 angka itu meningkat kepada 95 peratus dan terus meningkat selepas itu. Sistem pendidikan model Perancis ini kemudiannya dibentuk semula mengikut model Amerika Syarikat. Antara mereka yang terlibat dengan perubahan ini ialah Fukuzawa, Mori Arinori dan David Murray dari Kolej Rutgers yang berkhidmat sebagai penasihat kepada Kementerian Pendidikan daripada tahun 1873 sehingga 1879.

Pusat tertinggi sistem pendidikan dan pembelajaran di Jepun ialah Universiti Diraja Tokyo yang telah ditubuhkan pada tahun 1886, bertindak sebagai sekolah latihan bagi perkhidmatan awam, pusat pendidikan dan pelajaran universiti serta pusat penyelidikan utama yang terus kekal hingga ke hari ini dilihat sebagai simbol kejayaan pendidikan Jepun. Menjelang tahun 1910, beberapa buah Universiti Diraja lain telah ditubuhkan di Sapporo, Sendai, Kyoto dan Fukuoka. Pihak swasta juga tidak ketinggalan dalam pembangunan pendidikan Jepun. Beberapa buah universiti telah ditubuhkan antaranya seperti Universiti Keio pada tahun 1863, Universiti Doshisha (1875) dan Universiti Waseda (1889).

Pada tahun 1880an, bahan bacaan peringkat asas dan buku teks moral kerap diterjemahkan daripada buku-buku Inggeris dan Perancis untuk kegunaan di sekolah-

sekolah Jepun. Namun begitu, keadaan ini tidak begitu disenangi oleh beberapa pihak yang mahukan tradisi lama dipelihara, justeru itu Perintah Diraja berkenaan Pendidikan (*Imperial Rescript on Education*) telah dikeluarkan pada tahun 1890.

Dalam aspek pendidikan ini, pemimpin-pemimpin Meiji mahukan pendidikan moden Barat tanpa menghapuskan nilai-nilai tradisi tamadun Jepun itu sendiri. Mereka mahu setiap murid sekolah mesti merasakan dirinya seorang Jepun.

3.7.4 Pemodenan Sistem Komunikasi dan Pengangkutan

Pertembungan dengan Barat juga memberikan dampak kepada Jepun dalam aspek sistem komunikasi. Telegraf mula digunakan di Jepun pada tahun 1869. Pada tahun itu satu talian telegraf telah dipasang yang menghubungkan rumah api di luar pelabuhan Yokohama dengan pusat bandar. Ini dilakukan supaya penjaga rumah api itu dapat menghantar berita dengan lebih cepat tentang ketibaan kapal kepada pihak yang akan berurusan dengan kapal itu. Penggunaan alat telegraf menjadi lebih baik apabila alat ini telah direka semula dengan lebih moden lagi oleh orang Jepun.⁶²

Menjelang tahun 1872, kemudahan talian telegraf telah diadakan yang menghubungkan Tokyo dengan Sapporo di Utara dan Nagasaki di Barat. Daripada Nagasaki, kabel bawah laut dibina ke Shanghai dan Vladivostok dan ini telah menghubungkan Jepun dengan seluruh dunia.

⁶² Tadao Umesao, *Seventy-Seven to The Civilization of Japan*, Osaka : Sogansha Inc, 1985, hlm. 15

Bagi perkhidmatan pos pula, ia telah diperkenalkan pada 1873. Satu sistem pos baru telah digunakan menggantikan sistem lama era Tokugawa yang menggunakan pembawa surat yang bergegas dari sebuah bandar besar ke sebuah bandar besar yang lain. Sistem pos baru ini bukan sahaja lebih cekap malah dapat menjimatkan masa penghantaran. Sebagai contoh, dalam tahun 1871 pembawa surat berlari sejauh 343 batu (kira-kira 556 kilometer) dari Tokyo ke Osaka dalam masa 78 jam, penghantaran surat tiga kali sehari dapat dilaksanakan di Tokyo. Pada 1874, Jepun menyertai Persekutuan Pos Sedunia, yang menjadi penghubung dengan negara-negara utama, selepas itu poskad menjadi popular untuk menghantar mesej peribadi kerana kosnya murah.

Telefon dan radio sangat menarik minat Jepun era baru yang memang mengutamakan komunikasi yang pantas. Pada 1876, Alexander Graham Bell mencipta telefon. Setahun kemudian, beliau telah datang ke Jepun untuk memperkenalkan rekaan barunya itu. Tiga belas tahun kemudian, perkhidmatan telefon awam dimulakan di antara Tokyo dan Yokohama. Bagi radio pula, penggunaannya juga agak meluas sebagaimana telefon. Dalam peperangan antara Jepun dan Rusia, radio telah digunakan untuk menyiarkan kemenangan Jepun di Teluk Tsushima pada 1905.

Perubahan dalam pengangkutan turut merubah hidup orang Jepun sebagaimana komunikasi merubah hidup mereka. Pada waktu ini, semua kaedah pengangkutan moden yang dihasilkan di Barat dibawa masuk ke Jepun dalam masa singkat, seperti kapal wap, keretapi untuk mengangkut penumpang dan barang. Kapal-kapal ditempah daripada Eropah, tetapi tidak lama selepas itu dapat dibina di Jepun sendiri. Jalan-jalan raya baru

dibina supaya lebih sesuai untuk kegunaan kuda, wagon, kereta kuda, kereta dan basikal. Pada peringkat awal, perkhidmatan kapal wap kebanyakannya dimiliki oleh orang-orang Barat.

Keretapi merupakan alat pengangkutan yang penting pada zaman Meiji ini. Landasan keretapi Jepun pertama telah dibuka pada 7 Mei 1872 yang menghubungkan di antara petempatan orang Barat di Yokohama dan Shinagawa. Dua tahun kemudian, Kobe dan Osaka telah dihubungkan oleh satu lagi rangkaian landasan keretapi. Pada tahun 1877, landasan keretapi ini telah diperluaskan ke Kyoto, yang mana telah menghubungkan ketiga-tiga bandar tersebut dengan muatan kargo. Selepas landasan keretapi siap dibina pada akhir tahun 1880 an, perjalanan itu hanya mengabil masa kurang dari 1 hari.

Selain daripada kaedah pengangkutan yang dibawa masuk daripada luar, Jepun sendiri membuat sumbangan penting dalam bidang ini, iaitu lanca, sebuah kenderaan beroda dua yang ditarik daripada depan oleh orang, sama seperti kuda menarik kereta kuda. Lanca diperkenalkan di Jepun pada 1869, yang merupakan antara gabungan menarik antara Timur dan Barat, iaitu dengan gabungan roda ciptaan Barat dan tenaga kerja Timur yang murah dan selesa. Pada 1872, iaitu cuma dua tahun selepas lanca diperkenalkan, terdapat 56,000 lanca di Tokyo sahaja. Tidak lama selepas itu China mengimport lanca dalam jumlah yang banyak dari Jepun.

Selain lanca, pembangunan lain dalam sistem pengangkutan pada era Meiji ialah penciptaan beca atau dikenali sebagai *jinrikisha* pada 1869 oleh tiga orang Jepun. Becu merupakan kacukan Barat dengan Asia. Ia menggabungkan stail tayar Barat dengan tenaga otot orang Asia. Becu digunakan secara meluas di Jepun pada abad ke 19. Dalam tahun 1870 kerajaan Jepun telah memberi kebenaran untuk pengeluaran besar-besaran. Dalam masa beberapa tahun sahaja, bilangan beca yang digunakan di Tokyo telah mencecah 50 000 buah.⁶³

Kemajuan sistem pengangkutan ini telah juga menghasilkan satu bentuk proses urbanisasi yang baru. Dunia masyarakat Jepun pula menjadi luas kerana sekarang mereka dapat bergerak ke tempat-tempat lain dengan bebas, kualiti hidup meningkat kerana pilihan barangan memang banyak dan lebih murah berbanding sebelum itu. Kos penghantaran barang di antara Tokyo dan Yokohama dapat dikurangkan 98% dengan pembukaan landasan keretapi menghubungkan kedua-dua bandar itu.

3.7.5 Perkembangan Kebudayaan Baru

Selain daripada aspek teknologi, pertembungan dengan Barat juga menyebabkan orang Jepun turut menerima unsur-unsur kebudayaan Barat. Orang Jepun merasakan mereka tidak akan dilihat sebagai sama taraf mahupun seakan-akan sama taraf sehinggalah mereka memiliki kebudayaan Barat, walaupun mereka memiliki teknologi moden seperti yang Barat miliki. Pemimpin Meiji berasa sangat sensitif atau terhina apabila barat mentertawakan adat kebudayaan mereka. Keadaan ini telah menaikkan

⁶³ Ibid, hlm. 22

kesedaran diri yang tinggi di kalangan orang Jepun. Justeru itu, untuk menghapuskan atau setidak-tidaknya menyembunyikan aspek-aspek kebudayaan Jepun yang dilihat dengan kebencian atau kehinaan oleh Barat, Jepun perlu meminjam seberapa banyak kebudayaan Barat. Keinginan yang mendalam terhadap kebudayaan Barat menyebabkan banyak aspek-aspek kebudayaan barat diambil dan dipraktikkan oleh orang Jepun walaupun ada di antaranya hanya bersifat luaran. Akibat dari proses pengadaptasian ini, ada di antara kebudayaan tradisi Jepun sedikit demi sedikit terhakis. Penerimaan unsur-unsur kebudayaan Barat dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti stail potongan rambut, menyimpan janggut, pakaian, permainan, tari menari, penggunaan kalendar, penggunaan berus gigi, makanan dan banyak lagi.⁶⁴

Potongan rambut gaya samurai yang bertocang di bahagian tengah kepala semakin dipinggirkan dan dianggap ketinggalan zaman. Pasukan tentera Jepun dimestikan menggayakan potongan rambut gaya barat ini, termasuk Maharaja Meiji sendiri. Orang Jepun juga menyimpan janggut lebat yang menjadi gaya lelaki Barat ketika itu. Seawal tahun 1869 kira-kira 13 peratus daripada kaum lelaki di Tokyo telah memotong rambut mereka. Apabila mereka memotong rambut pendek, mereka mula memakai topi. Mereka juga turut membawa payung dan memakai jam. Tradisi perempuan Jepun mencukur bulu kening dan menghitamkan gigi juga mulai pudar. Pada awal tahun 1873, maharani Jepun telah muncul di khalayak ramai dengan kening yang berwarna merah dan gigi yang tidak dihitamkan. Walau begitu, wanita-wanita Jepun di kawasan luar bandar masih lagi dengan tradisi lama.

⁶⁴ Ibid, hlm. 44.

Pakaian Barat juga semakin banyak dipakai. Askar dan pegawai kerajaan dan orang awam diarahkan berpakaian cara Barat. Pakaian Barat diwajibkan di mahkamah dan majlis-majlis rasmi kerajaan sejak tahun 1872. Pada akhir zaman Meiji, sejenis pakaian yang dipanggil *Moningu* menjadi begitu luas penggunaannya terutama semasa majlis-majlis rasmi dan *Haikara* yang merujuk kepada stail pakaian barat pada awal kurun ke 20. Bagi kaum wanita Jepun pula, pakaian dan stail mereka kurang dipengaruhi oleh unsur-unsur Barat. Pakaian kimono masih lagi menjadi pilihan. Pakaian barat kebanyakannya dipakai oleh wanita golongan atasan. Pada 1873, Maharani Jepun dan beberapa wanita bangsawan telah memakai pakaian gaya Victoria.⁶⁵

Kebudayaan Barat seperti membaca buku-buku terjemahan barat dan memainkan beberapa praktik barat seperti bermain kad dan menari, menaiki kereta kuda yang ditarik oleh empat ekor kuda dan amalan kebersihan cara Barat mula diperkenalkan dan secara beransur-ansur orang Jepun menerima baik penggunaan berus gigi dan ubat-ubatan moden menjadi popular di kalangan orang Jepun dan orang Jepun pada suatu ketika menjadi pengguna berus gigi yang terbesar di dunia.

Mulai 1 Januari 1873, kalendar Barat (Gregorian) telah digunakan bagi menggantikan kalendar Lunar yang lama. Perubahan ini dibuat apabila hari yang ke enam pada bulan 12 tahun 1872 menjadi 1 Januari pada tahun berikutnya. Penggunaan kalendar barat ini bermakna Jepun kini mempunyai 7 hari seminggu dan hari ahad dijadikan hari cuti. Walau bagaimanapun kalendar lunar masih lagi popular di kalangan

⁶⁵ <http://www.Japan-Guide.Com>

orang Jepun di luar bandar. Pada tahun 1872 lampu yang menggunakan gas sebagai bahan bakarnya telah diperkenalkan di jalan-jalan di bandar Yokohama dan pada tahun 1887 bekalan kuasa elektrik boleh didapati di bandar Tokyo. Makan daging pula menjadi begitu popular di kalangan golongan progresif. Amalan makan daging digalakkan walaupun sebelum itu amalan tersebut dianggap tidak bermoral mengikut ajaran Buddha.

Pada 1883, kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuk membina sebuah dewan yang dipanggil Rokumeikan di Tokyo. Kerajaan Jepun membina dewan ini pada tahun 1883 dengan kos sebanyak 180 ribu yen. Dewan ini berfungsi sebagai tempat untuk menyemai kebudayaan Barat. Pada setiap malam ahad, majlis tari-menari akan diadakan untuk golongan elit Jepun bercampur dan bergaul dengan para diplomat Barat. Pada 1887 pernah diadakan sebuah majlis pakaian berhias yang besar yang dihadiri ketua-ketua kerajaan. Rokumeikan menjadi simbol pembaratan waktu itu.

3.7.6 Perubahan Ekonomi

Pemodenan ekonomi Jepun dimulakan dengan sektor pertanian. Pada peringkat awal, Jepun masih merupakan sebuah negara pertanian. Pada waktu ini sektor pertanian menjadi sumber utama kekayaan Jepun. Sebagai contoh, pada 15 tahun pertama pemerintahan Meiji, 80 peratus dari hasil pendapatan negara datangnya dari pertanian. Jepun hanya memulakan langkah ke arah ekonomi moden berasaskan industri hanya dalam dua puluh tahun selepas Maharaja Meiji memerintah. Walaupun Jepun masih bergantung kepada pertanian, tetapi pengalaman Barat menunjukkan bahawa modal yang

terkumpul melalui penjualan lebih hasil pertanian dan tenaga buruh yang datang melalui penghijrahan penduduk ke bandar adalah syarat penting bagi membangunkan industri. Kedua-dua syarat ini wujud di zaman Meiji. Sektor pertanian Jepun dimodenkan dengan berbagai-bagai cara seperti penggunaan benih yang bermutu, baja dan kaedah-kaedah penanaman baru. Selain itu, banyak tanah-tanah pertanian baru dibuka dalam usaha menggalakkan pembangunan pertanian terutamanya di Hokkaido. Selain itu, kepesatan pertanian juga disebabkan oleh meningkatnya eksport sutera dan teh ke luar negara serta permintaan yang semakin meningkat terhadap kapas dalam negara. Apa yang penting sektor pertanian telah menyumbangkan sumber tenaga buruh yang ramai dan perdagangan pula menolong mendapatkan modal untuk dilaburkan dalam sektor perindustrian kemudiannya. Pemimpin Meiji telah merangka satu sistem cukai yang baru pada tahun 1873 bagi menggantikan sistem cukai yang lama sebelum ini. Ini dilakukan bagi menambah pendapatan negara untuk pembangunan industri. Tambahan pula petani-petani telah dibenarkan memiliki tanah sendiri dan menjual yang dikeluarkan sejak tahun 1872.⁶⁶ Perubahan dari ekonomi beras kepada ekonomi wang ini memberi kesan di mana petani mendapati dirinya terlibat dalam mengeluarkan makanan bukan untuk ekonomi secukup hidup sebelum ini tetapi untuk pasaran.⁶⁷ Ini telah memberikan kesan negatif kepada petani-petani. Mereka terpaksa menjual tanah-tanah pertanian mereka dan beralih kepada pekerjaan yang lain akibat ketidakmampuan untuk membayar kadar cukai yang dikenakan. Dianggarkan antara tahun 1883-1890, hampir 400 000 orang petani terpaksa menjual tanah-tanah mereka.

⁶⁶ <http://www.Japan-Guide.com>

⁶⁷ Ibid.

Kerajaan Meiji telah melabur dengan banyak dalam infrastruktur ekonomi seperti kemudahan landasan keretapi, talian telegraf, sistem pos moden, perkhidmatan telefon dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan ini penting diwujudkan sebelum industri boleh berkembang. Selain melabur dalam pembinaan infrastruktur, kerajaan Jepun juga turut membangunkan industri itu sendiri. Sebagai contoh, kerajaan memulakan kilang-kilang simen, kaca, jubin, tekstil, membuka lombong dan sebagainya.⁶⁸ Pihak swasta tidak sanggup menanggung risiko terlibat dalam bidang yang tiada jaminan keuntungan dalam tempoh terdekat tidak berusaha untuk membuat seperti yang dilakukan oleh kerajaan. Dasar ini telah membolehkan wujudnya pengusaha-pengusaha yang dikenali dengan nama Zaibatsu iaitu antaranya Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo, Yasuda dan lain-lain lagi.

Dalam pembangunan industri ini, pemimpin-pemimpin Meiji lebih memberi penekanan ke atas aspek pertahanan seperti pembinaan kapal, alat-alat perang dan lain-lain. Kerajaan juga mengelolakan dua buah kilang besar di Tokyo dan Osaka untuk membuat meriam, senapang dan peluru dan tiga buah kilang ubat bedil di Tokyo dan daerah Gumma. Selain industri yang berskala besar terdapat juga industri-industri kecil. Wujud beribu-ribu kilang kecil yang dimiliki penduduk setempat eksport. Untuk melicinkan perkembangan sektor ini, kerajaan Jepun pada tahun 1870 telah menubuhkan Kementerian Perusahaan. Ito Hirobumi telah dilantik sebagai Pemangku Menteri Perusahaan pada tahun 1873, beliau telah menjadi Menteri Perusahaan sehingga tahun 1878.

⁶⁸ Ibid

Selari dengan pembangunan perindustrian, kerajaan Meiji juga turut membuat perubahan dalam sistem kewangan di mana ianya telah disusun semula. Penyusunan semula sistem kewangan telah banyak membantu dalam perkembangan ekonomi Jepun terutamanya dalam menyatupadukan pasaran negara serta menyalurkan tabungan kepada sektor perindustrian. Hasilnya kerajaan mengeluarkan mata wang kertas bagi menggantikan wang lama dengan memperkenalkan mata wang Yen pada tahun 1871.

Pada tahun 1872, ekoran dari arahan kerajaan, beberapa buah bank telah ditubuhkan dengan mencontohi bank-bank di Amerika Syarikat. Pada tahun tersebut, ditubuhkan Mitsui-Ono Bank. Kemudian pada tahun 1873, ditubuhkan pula First National Bank yang dianggap sebagai cabaran kepada pihak Mitsui. Kemudian disusuli pula oleh Yokohama species Bank yang ditubuhkan dalam tahun 1887 dengan tugasnya mengawal perkara-perkara mengenai perdagangan dan pertukaran mata wang asing.

Tempoh pemerintahan Maharaja Meiji selama 44 tahun merupakan satu tempoh yang sangat penting dalam sejarah peradaban Jepun. Ini kerana pada ketika ini Jepun sedang menghadapi ancaman dari Barat yang rakus menjajah negara-negara di timur. Namun ancaman dari Barat ini berjaya ditangani dengan baik oleh Maharaja Meiji dan pemimpin-pemimpin Jepun yang lain. Malah apa yang lebih penting lagi pada waktu ini, negara Jepun sudahpun menjadi sebuah negara yang moden dan setaraf dengan Barat berikutan usaha-usaha pemodenan yang telah dijalankan sejak dari awal pemerintahan Meiji lagi. Kegemilangan tamadun Jepun kemudiannya diteruskan oleh maharaja-maharaja Jepun yang lain seperti Maharaja Taisho, Showa dan lain-lain.